



MENTERI PELAJARAN
MALAYSIA

MINISTER OF EDUCATION
MALAYSIA
RUMAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR

Ucapan, A.O.H.O

418

37/80

Surat Saya:

Surat Tuan:

Ucapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran
di-Meshuarat Agung Tahunan Majlis Sukan
Sekolah2 Malaysia Yang Ketiga di-Kuala
Lumpur pada lhb. April, 1971 - 9.00 pagi

Tuan2, ~~Puan2~~ dan Ahli2 Persidangan,

Terlebih dahulu saya, selaku Yang di-Pertua, Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia, mengucapkan selamat datang dan selamat bersidang kepada para hadirin sakalian. Saya yakin persidangan ini akan berjaya dan membuat beberapa ketetapan bagi faedah, kemajuan dan perkembangan sukan di-sekolah2.

Sungguh pun saya baru sahaja memegang teraju Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia, saya telah pun di-beri penerangan berkenaan dengan tujuan2 dan segala langkah2 yang sedang di-jalankan dan kejayaan Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia. Nyatalah kepada saya, kejayaan Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia yang chemerlang ini, ada-lah hasil dari kerjasama Ketua2 Pegawai Pelajaran merangkap Yang di-Pertua, Majlis Sukan Sekolah2 Negeri serta guru2 yang telah mengorbankan masa dan tenaga mereka untuk faedah murid2 kita. Kepada semua pihak yang berkenaan, saya mengucapkan sa-tinggi2 penghargaan atas jasa mereka. Rancangan sukan Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia, hendak-nya jangan-lah terpisah dari tujuan2 pendidekan. Di-samping memperkembangkan rancangan sukan, kita dapat juga memenuhi keperluan pendidekan. Penyertaan dalam sukan ada-lah satu chara pendidekan praktik yang efektif.

Sa-bagaimana yang kita semua tahu, sifat2 dan sikap2 yang berfaedah kepada masharakat, dapat di-bena dan di-perkembangkan melalui penyertaan dalam sukan, selain daripada meninggikan kecekapan bermain, kesihatan dan kesuboran tuboh.

Di-sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk menegaskan betapa-kah penting-nya sifat2 dan sikap2 yang tertentu ini, di-semai awal2 lagi dalam jiwa murid2 kita. Kecekapan bermain sahaja tanpa sifat2 yang tinggi, tidak menguntungkan masharakat. Maksud saya di-



MENTERI PELAJARAN
MALAYSIA

rat Saya:

Surat Tuan:


- 2 -

sini ia-lah sifat2 kemasharakatan yang perlu bagi kesuboran sa-suatu masharakat, terutama kapada negara yang sedang membangun.

Dari segi meninggikan mutu kebolehan ahli2 sukan kita, satu faktor yang penting ia-lah sikap yang tekun dan jujur terhadap latehan. Kerapkali terdapat ahli2 sukan peringkat kebangsaan yang ada kebolehan untok meningkat lebeh tinggi lagi, gagal di-pertengahan jalan kerana kurang tabah dan tekun terhadap latehan. Sikap tekun dan jujur terhadap latehan dan jurulateh perlu di-bena di-kalangan murid2 kita. Di-sekolah, terdapat banyak peluang untok menyemai dan menyuborkan sikap ini, terutama dalam ranchangan Pendidekan Jasmani di-sekolah2. Di-tiap2 peringkat ranchangan Pendidekan Jasmani, murid2 hendak-lah di-pimpin dan di-beri kesempatan supaya sifat2 dan sikap2 yang berfaedah ini akan terbentok. Kapada sakalian guru2 Pendidekan Jasmani, saya tumpukan harapan ini. Pendidekan Jasmani menjadi asas kapada pembenaan ahli sukan yang lengkap dari segi kebolehan dan watak yang sempurna.

Kita tidak dapat nafikan bahawa, taraf sokan negara bergantung kapada apa yang sedang berlaku dalam lapangan sokan di-sekolah2. Maka itu terserah-lah kapada kebijaksanaan guru2 untok menchari jalan dan membuat ranchangan yang boleh menimbulkan kechenderongan dan menarek minat murid2 terhadap sukan2. Dengan chara ini, maka dapat-lah kita menyediakan tapak atau asas yang luas dari mana akan munchul bakat2 baru.

Dalam berjenis2 sukan yang kita jalankan sekarang, ada beberapa sukan yang patut kita utamakan di-samping latehan dalam sukan2 lain, jika di-tilek dari segi rupa bentok jasmani kita orang2 Malaysia. Maksud saya di-sini ^{ialah} kita boleh menchapai taraf yang tinggi, atau pun sa-imbang dengan negara2 lain, dalam jenis2 sukan yang tidak memerlukan tuboh yang tinggi dan besar, atau kekuatan yang luar biasa. Ini ternyata dalam kejayaan kita dalam lapangan sukan saperti badminton, ping pong, hoki dan sa-bagai-nya.



MENTERI PELAJARAN
MALAYSIA

MINISTER OF EDUCATION
MALAYSIA
RUMAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR

Saya:

Arat Tuan:

- 3 -

Saya dapati Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia mempunyai rancangan sukan yang chukup luas sekali di-Negara kita ini, meliputi hampir2 kesemua jenis sukan. Dari itu, amat-lah mustahak kawalan dan pengelolaan-nya di-selenggarakan dengan baik. Sa-takat ini, saya berasa puas hati dengan perjalanan Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia dan kejayaan2 yang telah di-chapai.

Supaya lebeh berkesan lagi, maka kerjasama yang lebeh rapat lagi di-antara Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia dengan semua badan2 sukan kebangsaan sangat-lah mustahak, untok menyelaraskan segala rancangan kita bagi faedah dan nama baik negara.

Kapada semua pehak yang berkenaan, saya menguchapkan ribuan terima kaseh atas kerjasama tuan2 dan puan2 terutama pegawai2 di-Majlis Sukan Sekolah2 Negeri, guru2 sekolah dan Sharikat2 Perniagaan yang telah bermurah hati menderma dan menganjor beberapa pertandingan dan latehan saperti Sharikat Caltex dan Nestle's yang telah menganjorkan pertandingan di-peringkat kebangsaan dan Sharikat Shell bagi pertandingan di-peringkat negeri.

Akhir-nya, saya menaruh keperchayaan penoh kapada tuan2 dan puan2 untok menjayakan rancangan Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia dan menchapai tujuan2-nya bagi faedah murid2 kita khas-nya dan bagi faedah nusa dan bangsa kita 'am-nya.

Terima kaseh.



No Siri 18
No Penerimaan 18/80